BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref No.: 01/07/08 **EMBARGO: Untuk siaran segera**

Perkembangan Monetari dan Kewangan Disember 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pada tempoh 1 Disember 2006 – 26 Januari 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama, dan juga mata wang serantau, dalam keadaan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan. Langkah pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand pada 18 Disember 2006 untuk mengehadkan aliran masuk modal hanya memberikan kesan kontagion yang terhad terhadap ringgit.

- Prestasi KLCI terus kukuh pada bulan Disember, meningkat 1.4% daripada paras akhir bulan November kepada 1,096.24 mata. Perolehan korporat yang teguh, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan, dan kenaikan harga minyak sawit mentah yang kukuh merupakan antara faktor utama yang mendorong KLCI pada bulan itu.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref No.: 01/07/08 **EMBARGO: Untuk siaran segera**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN DISEMBER 2006

Pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 6.7% pada bulan Disember (November: 7.6%). Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 6.3%. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah meningkat masing-masing pada kadar tahunan 4.2% dan 9.4% (November: masing-masing 4.1% dan 10.2%).

Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS meningkat kepada RM3.7 bilion pada bulan Disember (November: RM2.3 bilion). Walau bagaimanapun, terdapat penebusan bersih PDS bernilai RM807 juta pada bulan Disember disebabkan penebusan PDS dan bon Cagamas yang besar pada bulan itu. Dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM3.7 bilion pada bulan itu (November: RM996 juta).

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) dan kadar pinjaman bank perdagangan secara relatif stabil pada bulan Disember dan awal bulan Januari. Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif juga kekal tidak berubah pada tempoh itu.

Pada tempoh 1 Disember 2006 – 26 Januari 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama, dan juga mata wang serantau, dalam keadaan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan. Langkah

pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand pada 18 Disember 2006 untuk mengehadkan aliran masuk modal hanya memberikan kesan kontagion yang terhad terhadap ringgit.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.1% pada bulan Disember (November: 3%). Kenaikan inflasi yang kecil ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi kategori berikut: perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api; minuman beralkohol dan tembakau; dan pendidikan dan kesihatan. Harga makanan pula secara relatif hanya naik sedikit.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan 13.8% pada bulan Disember (November: 15.2%). Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar tahunan lebih tinggi, iaitu 12.4% (11.2% pada bulan November). Tuntutan bersih terhadap Kerajaan, operasi luaran bersih, dan tuntutan bersih terhadap sektor swasta, kesemuanya memberikan kesan pengembangan terhadap M3 pada bulan itu.

Sistem perbankan terus berdaya tahan dalam keadaan permodalan yang kukuh. Nisbah modal wajaran risiko (risk- weighted capital ratio, RWCR) meningkat kepada 12.8% pada akhir bulan Disember 2006 (akhir November: 12.7%). Pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih menurun kepada RM27.4 bilion atau 4.8% daripada jumlah pinjaman bersih. Penurunan ini disebabkan kutipan semula pinjaman yang mampan dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar di samping hapus kira pinjaman akhir-tahun yang berterusan oleh institusi perbankan.

Kadar faedah terus stabil

Pada tempoh 1 Disember 2006 – 26 Januari 2007, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 3.49% - 3.53%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga terus stabil.

Kadar FD purata bank perdagangan terus stabil pada bulan Disember 2006 dan bulan Januari 2007. Pada 15 Januari 2007, kadar disebut purata bagi FD bank perdagangan bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan stabil masing-masing pada 3.11% dan 3.72%. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan juga tidak berubah pada 6.72%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bank perdagangan secara relatif stabil pada 6.57% pada bulan Disember (6.59% bulan November).



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain juga stabil



Bank Negara Malaysia menyerap mudah tunai dalam sistem perbankan pada bulan Disember



ALR bank perdagangan stabil



Nisbah pembiayaan-deposit menurun kerana pertumbuhan deposit terus mengatasi pertumbuhan pembiayaan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Nov 06	3.11	3.20	3.35	3.47	3.75
Dis 06	3.11	3.19	3.34	3.46	3.73
15 Jan 07	3.11	3.19	3.34	3.46	3.72

Kadar FD hanya menurun sedikit



Kadar FD 3 bulan benar terus positif

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau

Pada tempoh 1 Disember 2006 – 26 Januari 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dalam julat 2.3% - 7.9%, dalam keadaan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan. Dolar Amerika Syarikat (AS) mengalami sedikit kelemahan pada awal tempoh itu berikutan jangkaan pasaran bahawa kadar dasar akan diturunkan ekoran kebimbangan tentang penyederhanaan ekonomi AS. Yen Jepun juga menjadi lemah kerana jangkaan pasaran terhadap kenaikan kadar dasar Bank of Japan, semakin berkurang. Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam julat 2% - 4.4%. Langkah pengawalseliaan yang dikenakan oleh Bank of Thailand pada 18 Disember 2006 untuk mengehadkan aliran masuk modal hanya memberikan kesan kontagion yang terhad terhadap ringgit.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama



… dan juga berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Nov 06	Dis 06	26 Jan 07	Akhir Dis 05 - 26 Jan 07	Akhir Nov 06 - 26 Jan 07
Dolar AS	3.7800	3.6180	3.5315	3.5043	7.9	3.2
Euro	4.4867	4.7626	4.6460	4.5291	-0.9	5.2
Paun sterling	6.5226	7.0473	6.9315	6.8867	-5.3	2.3
100 yen Jepun	3.2229	3.1124	2.9675	2.8837	11.8	7.9
Dolar Singapura	2.2714	2.3430	2.3028	2.2766	-0.2	2.9
100 baht Thailand	9.2049	10.0347	9.8111	9.7720	-5.8	2.7
100 peso Filipina	7.1254	7.2833	7.2027	7.1413	-0.2	2.0
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0395	0.0393	0.0384	0.1	2.7
100 won Korea	0.3739	0.3889	0.3797	0.3725	0.4	4.4
Renminbi China	0.4686	0.4614	0.4523	0.4504	4.0	2.4

Inflasi meningkat kepada 3.1% pada bulan Disember

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.1% pada bulan Disember (November: 3%). Kenaikan kecil inflasi pada bulan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi kategori berikut: perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api; minuman beralkohol dan tembakau; dan pendidikan dan kesihatan. Kenaikan harga makanan pula secara relatif kecil, meskipun terdapat berita tentang gangguan bekalan akibat cuaca buruk, dan faktor permintaan sempena musim perayaan. Sementara itu, harga pakaian dan kasut serta caj komunikasi terus menurun berbanding dengan setahun yang lalu.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telan diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi pada 3.1% pada bulan Disember

Kenaikan harga pengeluar meningkat sedikit pada bulan November

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat sedikit kepada 6.4% pada bulan November (Oktober: 5.4%). Kenaikan IHPR disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi bagi kategori berkaitan komoditi, berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah pada bulan itu.



Kadar kenaikan IHPR meningkat sedikit pada bulan November

M3 terus berkembang

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan 13.8% pada bulan Disember (November: 15.2%) disebabkan mata wang dalam edaran, dan juga deposit permintaan yang lebih tinggi khususnya daripada perusahaan perniagaan. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar lebih tinggi, iaitu 12.4% (November: 11.2%). Pada asas bulanan, tuntutan bersih terhadap Kerajaan memberikan kesan pengembangan terhadap M3 kerana Kerajaan mengeluarkan depositnya di Bank Negara Malaysia untuk membiayai perbelanjaannya. Operasi luaran bersih, dan tuntutan terhadap sektor swasta juga memberikan kesan pengembangan terhadap M3. Tuntutan terhadap sektor swasta mencerminkan kenaikan dalam pinjaman terkumpul, dan pemegangan sekuriti oleh sistem perbankan.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Nov 06	**Dis 06**	**2005**	**2006**
M3	11.5	21.5	49.7	82.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	7.8	10.8	-5.5	9.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.0	5.2	44.6	34.4
Pinjaman	*4.1*	*4.2*	*45.0*	*36.6*
Sekuriti	*-1.1*	*1.0*	*-0.4*	*-2.2*
Operasi luar bersih *	5.5	8.9	17.3	59.6
Pengaruh lain	-4.8	-3.4	-6.7	-20.7

* Sebelum penilaian semula

Trend menaik pertumbuhan wang secara luas berterusan



Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan Disember

Sistem perbankan mencatat peningkatan deposit yang ketara sebanyak RM32.3 bilion pada bulan Disember (November: RM18.8 bilion), atau pada kadar tahunan 16.8% (November: 15.4%). Peningkatan itu mencerminkan penempatan deposit oleh institusi kewangan, perusahaan perniagaan, dan individu yang meningkat dengan ketara. Aktiviti akhir-tahun bermusim seperti perbelanjaan Kerajaan bagi projek pembangunan dan pembayaran bonus masing-masing meningkatkan deposit perusahaan perniagaan dan individu. Peningkatan yang ketara deposit perusahaan perniagaan dan institusi kewangan bukan bank juga disebabkan oleh faktor yang berlaku hanya sekali. Penggabungan dua buah syarikat diskaun dan sebuah bank saudagar pada bulan itu menyebabkan deposit syarikat diskaun diserapkan ke dalam sistem perbankan (bank perdagangan, bank-bank Islam, bank saudagar, dan bank pelaburan). Di samping itu, aliran masuk daripada sektor luaran juga menyumbang kepada peningkatan deposit. Mengikut jenis deposit, peningkatan meliputi kesemua jenis deposit. Peningkatan yang terbesar adalah bagi jenis deposit tetap, instrumen deposit boleh niaga, perjanjian beli balik, dan deposit perbankan Islam.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 06	**Okt 06**	**Nov 06**	**Dis 06**
Kerajaan Persekutuan	1,021	-7	220	936
Kerajaan Negeri	-176	214	-218	392
Badan Berkanun [1]	1,566	-990	1,211	-889
Institusi Kewangan	4,447	3,667	5,543	17,375
Perusahaan Perniagaan	-4,152	6,765	8,769	10,093
Individu	1,530	2,825	2,459	4,174
Lain-lain [2]	1,328	538	833	196
Jumlah	5,564	13,012	18,818	32,276

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Sep 06	**Okt 06**	**Nov 06**	**Dis 06**
Deposit tetap	3,435	3,371	10,518	9,572
NID	4,751	2,457	-6,233	8,373
Deposit permintaan	-1,015	2,730	1,567	1,564
Deposit tabungan	192	635	871	1,492
Perjanjian beli balik (Repo)	-4,009	-3,022	9,005	4,803
Deposit mata wang asing	-1,416	2,803	-292	1,496
Deposit SPI	2,697	3,602	3,010	3,426
Lain-lain	929	435	373	1,550
Jumlah	5,564	13,012	18,818	32,276

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada bulan Disember

Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada RM49.1 bilion pada bulan Disember (November: RM44.9 bilion). Ini sebahagian besarnya disebabkan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi, dan sebahagian lagi kerana terbitan baru PDS. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 6.7% (November: 7.6%).



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat disebabkan pengeluaran pinjaman dan terbitan PDS yang lebih tinggi



Penunjuk pinjaman utama meningkat pada bulan itu

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Okt	Nov	Okt	Nov
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.0	27.3	17.2	22.0
Kelulusan pinjaman	17.2	17.7	22.8	10.6
Pengeluaran pinjaman	42.4	45.3	3.2	-5.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.9	0.2	7.3	6.3
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	14.6	15.5	18.5	52.9
Kelulusan pinjaman	9.6	10.5	38.4	35.2
Pengeluaran pinjaman	29.7	32.7	2.2	-4.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.7	1.1	4.1	4.2
PKS				
Permohonan pinjaman	7.6	5.9	t.b.[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	4.3	3.4	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	10.0	12.2	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.3	-0.6	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.5	11.8	15.7	-3.5
Kelulusan pinjaman	7.6	7.2	7.4	-12.7
Pengeluaran pinjaman	12.7	12.6	5.7	-10.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.4	1.6	10.2	9.4

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Penunjuk pinjaman sektor perniagaan lebih tinggi pada asas bulanan



Pengeluaran pinjaman terus meliputi kesemua sektor

Penunjuk pinjaman utama adalah lebih tinggi pada asas bulanan, didorong oleh sektor perniagaan. Permohonan dan kelulusan pinjaman untuk sektor perniagaan juga lebih tinggi pada asas tahunan. Penunjuk pinjaman utama bagi sektor isi rumah lebih rendah pada asas tahunan disebabkan terutamanya oleh permintaan terhadap pembiayaan bagi pembelian kereta penumpang yang lebih rendah.

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan 6.3% pada akhir bulan Disember (akhir bulan November: 7.3%). Kadar peningkatan pinjaman terkumpul yang lebih perlahan itu sebahagiannya

mencerminkan bayaran balik pinjaman yang ketara oleh Kerajaan pada bulan Disember. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar yang stabil sebanyak 4.2% (November: 4.1%) manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang pada kadar yang lebih rendah sedikit, iaitu 9.4% (November: 10.2%)

Perolehan dana bersih dalam pasaran modal lebih tinggi

Dana bersih berjumlah RM3.2 bilion diperoleh dalam pasaran modal pada bulan Disember. Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam melalui terbitan baru dua Sekuriti Kerajaan Malaysia 6 tahun dan Bon Khazanah 10 tahun yang kesemuanya berjumlah RM5.5 bilion. Dana yang diperoleh sektor awam pada bulan Disember juga termasuk pengenalan bon boleh panggil berjumlah RM500 juta. Selepas pelarasan bagi penebusan, sejumlah RM3.7 bilion dana bersih diperoleh sektor awam. Dalam pasaran PDS, sejumlah RM3.7 bilion dana kasar diperoleh terutamanya melalui terbitan tiga bon konvensional yang mencakupi 48% daripada jumlah terbitan PDS pada bulan itu. Walau bagaimanapun, terdapat penebusan bersih PDS berjumlah RM807 juta pada bulan itu disebabkan penebusan PDS dan bon Cagamas yang ketara berjumlah RM4.5 bilion. Dalam pasaran ekuiti, dana bersih berjumlah RM261.5 juta diperoleh melalui dua tawaran awam awal oleh syarikat-syarikat dalam Amanah Pelaburan Harta Tanah dan sektor teknologi.

Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI terus meningkat

KLCI ditutup pada 1,096.24 mata pada akhir bulan Disember (sejak akhir bulan November: 1.4%) berikutan prestasi yang memberangsangkan pada bulan itu. KLCI menurun sebanyak 1.96% pada 19 Disember ekoran pengenaan kawalan modal oleh Thailand, tetapi pulih dengan cepat untuk ditutup pada paras yang lebih tinggi pada tahun itu. Antara faktor utama yang mendorong KLCI pada bulan itu ialah keputusan perolehan korporat yang teguh, aktiviti penggabungan dan pengambilalihan, dan kenaikan harga minyak sawit mentah yang kukuh. Permodalan pasaran meningkat kepada RM848.7 bilion (sejak akhir bulan November: 1.9%), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 1,064.8 juta unit (November: 1,059.9 juta unit).



Prestasi KLCI terus meningkat sejajar dengan pasaran serantau

Pada 24 Januari 2007, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,183.04 mata (sejak akhir bulan Disember: 7.9%). Pemodalan pasaran keseluruhan adalah lebih tinggi pada RM918.6 bilion (sejak akhir bulan Disember: 8.2%), manakala aktiviti dagangan juga lebih tinggi dengan urus niaga harian purata pada 1,228.6 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM290.4 bilion atau bersamaan USD82.4 bilion pada 31 Disember 2006. Rizab meningkat kepada RM291.1 bilion atau bersamaan USD82.7 bilion pada 15 Januari 2007. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 7.8 bulan import tertangguh dan ialah 5.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Daya tahan sistem perbankan berterusan dalam keadaan permodalan yang kukuh

RWCR dan nisbah modal teras sistem perbankan meningkat masing-masing kepada 12.8% dan 10% pada akhir bulan Disember 2006. Pemerolehan modal oleh institusi perbankan di samping potongan modal yang lebih rendah berikutan perasionalan subsidiari perbankan pelaburan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan itu. Sementara itu, NPL bersih menurun kepada RM27.4 bilion atau 4.8% daripada jumlah pinjaman bersih, disebabkan kutipan semula pinjaman yang mampan dan pengelasan semula NPL kepada status berbayar di samping hapus kira pinjaman akhir-tahun yang berterusan oleh institusi perbankan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**2004**	**2005**	**Okt 06**	**Nov 06**	**Dis 06**
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.5	11.0	10.8	11.4	10.4	10.1	0.0	10.4	9.9	10.0
RWCR	12.6	13.3	13.3	14.0	13.3	13.0	0.0	13.1	12.7	12.8
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.6	11.0	9.3	8.3	6.7	5.4	0.0	5.1	4.9	4.8
Jumlah (RM juta)	46,530	45,727	40,799	38,544	34,076	30,341	0	28,561	28,120	27,380
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.0	2.0	2.0	1.9	1.8	0.0	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Permodalan sistem perbankan berterusan kukuh…



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dalam keadaan paras NPL yang terus menurun

Bank Negara Malaysia
29 Januari 2007

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Okt 06		Nov 06		Dis 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		56.8	2.3	54.2	3.2	58.2	10.6
M1		134.7	9.4	137.6	15.2	141.1	13.8
M2		681.7	13.2	694.3	15.5	718.5	16.6
M3		717.0	9.1	728.5	11.2	750.0	12.4
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		757.6	12.8	776.4	15.4	808.7	16.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		588.9	6.8	592.8	7.3	593.0	6.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		74.9		73.6		70.8	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		83.3		81.9		79.1	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		22.6	-15.0	27.0	17.2	27.3	22.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		14.7	-16.3	17.2	22.8	17.7	10.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		38.9	-19.6	42.4	3.2	45.3	-5.6
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		38.7	-14.9	39.2	-2.4	43.9	2.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.1		12.7		12.8	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.1		4.9		4.8	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		293.4		294.9		290.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		79.6		80.0		82.4	
Bilangan bulan import tertangguh		8.1		8.2		7.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.51 [3.50]		3.48 [3.50]		3.50 [3.50]	
	Seminggu	3.60 [3.55]		3.54 [3.52]		3.53 [3.52]	
	1 bulan	3.63 [3.64]		3.59 [3.60]		3.58 [3.58]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.13		3.11		3.11	
	3 bulan	3.21		3.20		3.19	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.56		6.59		6.57	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		104.1	3.1	104.4	3.0	104.6	3.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		128.3	5.4	128.1	6.4	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6480		3.6180		3.5315	
Euro		4.6382		4.7626		4.6460	
Paun Sterling		6.9310		7.0473		6.9315	
100 Yen Jepun		3.1035		3.1124		2.9675	
Dolar Singapura		2.3352		2.3430		2.3028	
100 Baht Thailand		9.9225		10.0347		9.8111	
100 Peso Filipina		7.3121		7.2833		7.2027	
100 Rupiah Indonesia		0.0400		0.0395		0.0393	
100 Won Korea		0.3863		0.3889		0.3797	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.6		1.0		3.7	
	swasta	0.7		0.0		-0.5	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		988.3		1,080.7		1,096.2	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		769.1		833.2		848.7	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.